

STANDARDS IN THE SELECTION OF ZIKR PRONOUNCEMENTS TAUGHT TO THE MUSLIM COMMUNITY: THE DIFFERENCE BETWEEN THE PHRASE سبحان الله AND هو AS A BASIC EXAMPLE

PIAWAIAN DALAM PEMILIHAN LAFAZ ZIKIR YANG DIAJAR KEPADA MASYARAKAT MUSLIM: PERBEZAAN ANTARA LAFAZ سبحان الله DAN هو SEBAGAI CONTOH ASAS

Mohammad Nidzam Abdul Kadir¹, Azri Bhari² & Mohammad Mahyuddin Khalid³

¹ Pensyarah Kanan, Jabatan Pengajian Kenegaraan & Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, Univeriti Putra Malaysia (UPM). mnidzamkadir@gmail.com / mnidzam@upm.edu.my

² (Corresponding Author) Profesor Madya, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM). azrib178@uitm.edu.my

³ Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM). emkay@uitm.edu.my

Vol. 16. No. 1
April Issue
2023

Abstract

The polemic of zikir pronouncement using the phrase Huwa (He) used by a faction of sufis or tariqa invites debate. This issue belongs to the category of problems of furu' (branch) and khilaf matters among scholars. This article aims to explain the concept of zikir in Islam, and explain some of the standards of selection of zikir pronouncements that can be used as a guide to the Muslim community to perform precisely. This qualitative study was conducted using data collection and data analysis methods. Data collection methods are done through library research. The data obtained in the studies in the form of content analysis were analyzed based on inductive, deductive and comparative methods to obtain the results. The results of this study outline the standard for the selection of zikir to serve as a guide to the Muslim community in Malaysia. The results of the study also found that Huwa or Hu's pronouncement is inappropriate and should not even be taught to the community.

Keywords: *Huwa, Pronouncement, Standards, Subhānallāh, Zikr*

Abstrak

Polemik lafaz zikir menggunakan lafaz Huwa (Dia) yang digunakan oleh segelintir ahli sufi atau ahli tarikat mengundang perbahasan. Isu ini adalah tergolong dalam kategori masalah furu' (cabang) dan perkara khilaf dalam kalangan ulama. Artikel ini bertujuan untuk menjelaskan konsep zikir dalam Islam. seterusnya, menjelaskan beberapa piawaian pemilihan lafaz zikir yang boleh dijadikan panduan kepada masyarakat Islam supaya melaksanakan secara benar dan betul. Kajian berbentuk kualitatif ini dilaksanakan dengan menggunakan metode pengumpulan data dan analisis data. Metode pengumpulan data dilakukan melalui penyelidikan kepustakaan. Data yang diperolehi dalam kajian berbentuk analisis kandungan dianalisis berdasarkan metode induktif, deduktif dan komparatif untuk mendapatkan hasil kajian. Hasil kajian ini

menggariskan piawaian pemilihan lafaz zikir untuk dijadikan panduan kepada masyarakat Islam di Malaysia. Hasil kajian juga mendapati lafaz Huwa atau Hu adalah tidak wajar bahkan tidak harus diajar kepada masyarakat.

Kata kunci: *Huwa, Lafaz, Piawaian, Subhānallāh, Zikir.*

PENDAHULUAN

Masyarakat Islam di Malaysia sudah sebatu dengan lafaz zikir yang biasa diamalkan. Satu polemik muncul apabila Jabatan Mufti Negeri Sembilan menerbitkan sebuah buku yang menerangkan keharusan berzikir dengan lafaz هو sahaja (Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan, 2022; Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan, 2022).

Artikel ini akan menjelaskan beberapa piawaian yang dinilai sebagai wajar dalam pemilihan lafaz zikir dengan perbandingan antara lafaz zikir yang biasa diamalkan seperti سبحان الله, الحمد لله, الله أكبر dan sebagainya dengan lafaz zikir هو sahaja.

Seterusnya, artikel ini juga tidak bertujuan untuk mengkritik keharusan fatwa zikir lafaz هو sebaliknya artikel ini bertujuan untuk memberi panduan kepada umat Islam dalam pemilihan lafaz zikir yang banyak. Piawaian ini diharap menjadi asas kepada pemilihan mana-mana lafaz zikir untuk diamalkan dengan tenang agar tidak menimbulkan kekeliruan masyarakat Islam (Sulaiman Ibrahim al-Baruhiy, 2015).

KONSEP ZIKIR DALAM ISLAM

Zikir adalah amalan yang disyariatkan dan banyak dinyatakan dalam al-Quran dan hadis. Zikir atau zikrullah mempunyai pelbagai pengertian dari sudut bahasa dan istilah.

Menurut Ibn Manẓūr (2013), zikir dari sudut bahasa bermaksud memelihara sesuatu, menyebut dengan hati, menyebut setelah terlupa dan mempelajari. Sementara dalam al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah (1992) pula menyatakan zikir ialah sesuatu yang disebut dengan lisan atau menghadirkan sesuatu pada hati.

Pengertian dari sudut istilah ialah ingatan hamba kepada Tuhannya sama ada dari segi zat, sifat, perbuatan, hukum, membaca al-Quran, berdoa, mensucikan-Nya, memuliakan-Nya, mentauhidkan-Nya, memuji-Nya, mensyukuri-Nya dan mengagungkan-Nya (al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah, 1992).

PIAWAIAN LAFAZ ZIKIR

Terdapat beberapa piawaian dalam pemilihan lafaz zikir yang wajar diberi perhatian antaranya ialah lafaz utama, kejelasan makna, kesabitan dalam nas syarak, kelebihan fadhilat, inovasi, adat kebiasaan masyarakat dan *zawq*.

Lafaz Utama

Lafaz utama dalam lafaz zikir adalah lafaz Allah berdasarkan kepada dua pertimbangan. Pertimbangan pertama ialah nas al-Quran:

﴿ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اذْكُرُوا اللَّهَ ... ﴾

Maksudnya: "Wahai orang yang beriman! Sebutlah Allah..." (al-Quran. al-Ahzab: 41).

Dalam nas al-Quran ini, adalah disebut dengan jelas lafaz Allah. Bahkan lafaz Allah adalah antara lafaz yang paling banyak di dalam al-Quran.

Pertimbangan kedua ialah kewujudan lafaz Allah dalam setiap lafaz zikir. Analisa dalam beberapa kitab zikir menunjukkan bahawa lafaz Allah wujud dalam semua lafaz zikir (al-Nawawī, 1356H; al-Syawkānī, 2007). Ini menunjukkan bahawa lafaz utama dalam zikir ialah lafaz Allah. Maka sekurang-kurangnya lafaz zikir adalah lafaz Allah. Dengan menyebut lafaz Allah yang jelas maknanya, ia menunjukkan bahawa seseorang sedang mengingati Allah. Selain lafaz Allah, adalah harus juga diganti lafaz Allah dengan salah satu daripada nama-nama bagi Allah (الأسماء الحسنى) seperti al-Rahman, al-Malik dan sebagainya.

Apabila lafaz Allah atau nama Allah diganti dengan lafaz yang lain, ia tidak memberi makna zikir Allah yang jelas. Contohnya lafaz Allah diganti dengan nama makhluk seperti *سبحان محمد*, *الحمد للرئيس*, dan sebagainya. Jika tiada lafaz Allah atau satu nama Allah dari Asma al-Husna, maka ia tidak dikira sebagai zikir. Contohnya lafaz *سبحان*, *الحمد*, *أكبر*, *إلا* dan sebagainya.

Dalam nas al-Quran, ada dinaskan lafaz *هُ* iaitu nas al-Quran *واذكروه*. Namun nas al-Quran ini secara lengkapnya adalah menyebut Allah juga:

﴿فاذكروا الله عند المشعر الحرام واذكروه...﴾

Maksudnya: “Maka zikirkan *Allah* di kawasan *al-Masy’ar al-Haram*, dan berzikirlah akan-Nya...” (al-Quran. al-Baqarah : 198).

Adalah jelas dalam nas al-Quran ini bahawa lafaz *هُ* tidaklah bermaksud lafaz *هُ* sahaja sebaliknya ia adalah lafaz Allah yang baharu sahaja disebut. Maka piawaian pertama adalah dengan kewujudan lafaz Allah atau nama Allah dalam setiap ungkapan zikir.

Ada juga pandangan bahawa zikir lafaz *Hu* atau *Huwa* adalah berdasarkan surah al-Ikhlās iaitu *قل هو الله أحد*. Dalam ayat ini, terdapat lafaz *Huwa*. Namun apabila dilihat kepada terjemahan dan sebab penurunan (*asbāb al-Nuzul*), ia tidak bermaksud zikir dengan lafaz *Hu* atau *Huwa* sebaliknya ia sebagai jawapan kepada pertanyaan tentang Allah (Ibn Kathīr, 1996).

Kejelasan Makna

Makna lafaz *اللهم صل على محمد*, *أستغفر الله*, *لا حول ولا قوة إلا بالله*, *لا إله إلا الله*, *الله أكبر*, *الحمد لله*, *سبحان الله* dan *بسم الله* adalah makna yang jelas dan tiada keraguan bahawa ia adalah zikir kepada Allah. Manakala zikir lafaz *هو* adalah bermaksud dia. Pada zahirnya, lafaz ini tidak jelas maknanya. Ini kerana lafaz ‘hu’ tidak mengandungi lafaz Allah yang merupakan lafaz utama dalam zikir. Jika jelas maknanya maka tidak mengapa seperti zikir (al-Syawkānī, 2007):

{باسمك أموت وأحيا}

Maksudnya: “Dengan nama-Mu, aku hidup dan aku mati”.

Lafaz *ك* (Kamu atau Mu) dalam zikir ini adalah merujuk kepada Allah. Ia adalah jelas dimaksudkan kepada Allah.

Dalam nas al-Quran, dinyatakan tentang lafaz *راعنا* yang bermaksud raikanlah kami atau berilah perhatian kepada kami. Namun lafaz ini telah disalah guna oleh segelintir orang Yahudi untuk memperolokkan Nabi Muhammad s.a.w. Maka berlaku kekeliruan dan ketidakjelasan makna pada lafaz *راعنا*. Maka nas al-Quran mengarahkan agar diubah lafaz *راعنا* kepada lafaz yang jelas maknanya iaitu *انظرونا واسمعوا*. Nas al-Quran menyatakan:

﴿يا أيها الذين آمنوا لا تقولوا راعنا وقولوا انظرونا واسمعوا...﴾

Maksudnya: “Wahai orang beriman! Janganlah kamu berkata ‘*rā’inā*’ sebaliknya sebutlah ‘*unzurnā wasma’ū*’...” (al-Quran. al-Baqarah : 104).

Dalam zikir lafaz *Hu* atau *Huwa*, ia dimulakan dengan zikir biasa. Selepas beberapa proses seperti zikir lafaz Allah, maka ketika itu barulah diamalkan zikir *Hu*. Walau bagaimanapun, masih wujud ketidakjelasan pada pandangan masyarakat. Justeru itu, lafaz zikir yang jelas maksudnya hendaklah menjadi pilihan. Kejelasan maksud ini menjauhkan dari keraguan dan kekeliruan.

Kesabitan Dalam Nas Syarak

Zikir-zikir yang sabit dalam nas syarak iaitu al-Quran dan riwayat hadis disebut sebagai zikir yang *makthur* (المأثور). Antara lafaz zikir dalam kategori ini seperti lafaz *سبحان الله*, *الحمد لله*, *بسم الله*, *اللهم صل على محمد*, *أستغفر الله*, *لا حول ولا قوة إلا بالله*, *لا إله إلا الله*, *الله أكبر* dan sebagainya. Manakala zikir lafaz *هو* adalah zikir yang tidak sabit dalam nas syarak. Ini kerana analisa

terhadap nas al-Quran dan riwayat hadis setakat ini belum lagi menemui lafaz zikir هو sahaja. 'Izz al-Dīn 'Abd al-Salām (1998) menyatakan:

{الأذكار المشروعة أفضل من الأذكار المخترعة}

Maksudnya: "Zikir-zikir yang disyariatkan adalah lebih afdhal daripada zikir-zikir yang direka".

Terdapat pendapat bahawa zikir lafaz هو adalah diambil daripada nas al-Quran. Contohnya nas al-Quran menyatakan:

﴿الله لا إله إلا هو...﴾

Maksudnya: "Allah, tiada Tuhan yang sebenar melainkan Dia ..." (al-Quran. al-Baqarah: 255).

Dalam nas al-Quran ini, terdapat lafaz هو pada hujung ayat yang ditulis. Lafaz هو ini adalah merujuk kepada Allah. Maka penggunaan lafaz هو ini adalah diambil daripada nas al-Quran.

Walau bagaimanapun, kesabitan lafaz هو sahaja tidak bermaksud bahawa ia daripada nas al-Quran. Ini kerana wujud perbezaan antara lafaz bahasa Arab dengan al-Quran yang berbahasa Arab. Maka penggunaan bahasa Arab dalam perbualan contohnya tidak bermaksud bahawa seseorang membaca al-Quran. Selain itu, lafaz هو dalam al-Quran juga merujuk kepada perkara yang lain. Contohnya nas al-Quran:

﴿ويسألونك عن المحيض قل هو أذى...﴾

Maksudnya: "Dan mereka bertanya kepada kamu tentang darah haid. Katakanlah wahai Muhammad bahawa ia adalah kotor ..." (al-Quran. al-Baqarah: 222).

Dalam ayat al-Quran ini, lafaz هو kembali kepada lafaz darah haid, dan tidak kembali kepada Allah. Maka wujud kebimbangan bahawa pengulangan lafaz هو sebagai zikir adalah dengan mengembalikannya kepada selain Allah.

Apabila dianalisa lafaz al-Quran, lafaz هو tidak dikira sebagai al-Quran jika tidak dibaca sebagai al-Quran. Contohnya lafaz فرعون dan إبليس yang ada dalam al-Quran. Penyebutan lafaz فرعون dan إبليس tanpa bacaan ayat al-Quran tidak menjadikannya sebagai bacaan al-Quran. Maka persoalan timbul tentang pengucapan lafaz هو sahaja tanpa bacaan lengkap adakah dikira sebagai zikir atau al-Quran.

Kesabitan dalam nas syarak tidak bermaksud bahawa zikir mestilah apa yang ada dalam al-Quran dan riwayat hadis sahaja. Namun zikir yang sabit dalam nas syarak adalah zikir yang lebih utama.

Inovasi

Inovasi dalam lafaz zikir adalah harus. Ini kerana zikir adalah pujian kepada Allah namun ia seharusnya dengan kawalan. Contohnya zikir لا إله إلا الله dengan penambahan menjadi لا إله إلا الله العلي العظيم الكبير. Penambahan ini masih lagi harus kerana maknanya adalah jelas.

Pemilihan lafaz zikir tanpa kawalan dibimbangi membawa kepada inovasi berlebihan dalam lafaz zikir. Contohnya pemilihan lafaz هو. Jika lafaz هو diambil daripada nas al-Quran لا إله إلا هو, maka kemungkinan wujud inovasi untuk berzikir dengan lafaz أنت kerana diambil daripada nas al-Quran لا إله إلا أنت. Ini akan membawa pula kepada inovasi lafaz zikir لا إله إلا أنا kerana diambil daripada nas al-Quran لا إله إلا أنا.

Jika dikatakan bahawa inovasi ini adalah khusus kepada ahli ilmu yang sudah mencapai darjat ketaqwaan yang tinggi, namun ia tidak menghalang kalangan umat Islam yang bukan ahli ilmu untuk melakukan inovasi berlebihan. Ini akan menimbulkan kekeliruan dalam umat Islam dan ajaran Islam itu sendiri. Dalam nas al-Quran dinyatakan tentang satu sikap golongan Yahudi:

﴿... وقولوا حطة نغفر لكم خطاياكم... فبدل الذين ظلموا قولاً غير الذي قيل لهم...﴾

Maksudnya: "... dan (mintalah keampunan dengan) berkata: Ya Allah ampunilah dosa kami; maka Kami ampunkan bagi kamu semua dosa kesalahan kamu... maka orang yang zalim mengubah akan lafaz dengan lafaz yang lain yang tidak dinyatakan kepada mereka...". (al-Quran. al-Baqarah: 58 – 59).

Dalam nas al-Quran ini, ada satu sikap iaitu sikap mengubah lafaz yang diberikan. Tema lafaz yang diberikan ialah meminta keampunan kepada Allah (حطة) namun diubah kepada tema meminta gandum (حنطة). Inovasi ini adalah inovasi yang tidak selaras dengan maksud dan tujuan zikir. Justeru itu, perlu diberi perhatian dalam inovasi lafaz zikir agar tidak menafikan maksud zikir.

Kelebihan Fadhilat

Lafaz-lafaz zikir yang sabit dalam nas syarak mempunyai fadhilat kelebihan yang dinyatakan secara jelas di dalam nas syarak. Contohnya sabda Nabi s.a.w.:

{كلمتان خفيفتان على اللسان ثقيلتان في الميزان حبيبتان إلى الرحمن سبحان الله وبحمده سبحان الله العظيم}

Maksudnya: "Dua kalimah yang ringan di atas lidah, namun berat di atas timbangan serta dikasihi Allah iaitu maha suci Allah dan pujianNya, maha suci Allah yang agung". (Hadis. al-Tirmidhī. *Kitāb al-Da'awāt*, Bab 60, 3467)

Sabda Nabi s.a.w.:

{من كان آخر كلامه لا إله إلا الله دخل الجنة}

Maksudnya: "Sesiapa akhir kalamnya (tiada Tuhan selain Allah) maka dia pasti masuk syurga". (Hadis. Abū Daud, *Kitāb al-Janā'iz, Bāb al-Talqīn*, 3116)

Manakala zikir lafaz هو sahaja, belum ditemui nas al-Quran atau apa-apa riwayat hadis yang diterima menyatakan fadhilat kelebihannya.

Satu perkara yang didapati dalam tradisi ilmu Islam ialah kelebihan disebutkan dengan dalil syarak. Dalam membicarakan kelebihan para Sahabat, para ulama menyatakan nas al-Quran dan riwayat hadis dalam perkara tersebut. Dalam menyatakan kelebihan sesuatu surah, riwayat hadis dinyatakan. Ini memberi isyarat jelas bahawa fadhilat kelebihan adalah bersandarkan kepada dalil syarak.

Adat Kebiasaan Masyarakat

Adat kebiasaan atau 'uruf masyarakat Islam dalam pengamalan zikir juga amat penting. Masyarakat Islam sudah biasa dengan zikir harian seperti سبحان الله, الحمد لله, الله أكبر, لا إله إلا الله, سبحان الله, سبحان الله, سبحان الله dan sebagainya. Secara asasnya, majoriti masyarakat tidak pernah mendengar zikir dengan lafaz هو sahaja dan tidak beramal dengannya. Maka fatwa keharusan berzikir dengan lafaz هو sahaja akan menimbulkan kekeliruan dan keraguan dalam kalangan masyarakat. Sabda Nabi s.a.w.:

{يكون في آخر الزمان دجالون كذابون يأتونكم بالأحاديث بما لم تسمعوا أنتم ولا آباؤكم فإياكم وإياهم لا يضلونكم ولا يفتنونكم}

Maksudnya: "Akan ada pada akhir zaman para dajjal yang penusta. Mereka membawa kepada kamu akan hadis-hadis yang kamu tidak pernah mendengarnya dan begitu juga datuk nenek kamu tidak pernah mendengarnya, maka berhati-hati dengan mereka agar mereka tidak menyesatkan kamu dan tidak memfitnah kamu" (Hadis. Muslim. *Bāb al-Nahy 'an al-Riwāyāt 'an al-Ḍu'afā'*, no. 7).

Hadis ini memberi satu piawai iaitu berhati-hati dengan sesuatu ajaran dalam agama Islam yang tidak biasa diamalkan dalam masyarakat Islam. Maka jika ada zikir yang baharu muncul maka perlu diwaspadai.

Penambahan lafaz "sayyidina" dalam selawat dan sebagainya apabila disebut nama Nabi s.a.w. sudah diamalkan dalam masyarakat sejak ratusan tahun. Ia mempunyai asas dalam al-Quran dan riwayat hadis. Maka adat kebiasaan ini diterima dengan baik. Sebaliknya apabila masyarakat Islam tidak mengamalkannya maka perlu kepada sikap berhati-hati untuk menerima.

Zawq

Zawq adalah perasaan dan penghayatan dalam diri seseorang. *Zawq* adalah khusyuk. *Zawq* adalah keinsafan. Maka lafaz zikir yang menimbulkan perasaan *zawq* bagi seseorang adalah lafaz yang baik. Oleh itu, dinyatakan bahawa zikir terbahagi kepada tiga peringkat iaitu (Laman Sesawang Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan, 2022):

- i. Zikir dengan nafi dan isbat. Contohnya zikir لا إله إلا الله.
- ii. Zikir dengan isbat tanpa nafi. Contohnya zikir الله.
- iii. Zikir dengan isbat tanpa dinyatakan nafi dan isbat. Contohnya zikir هو.

Bagi peringkat biasa, lafaz zikir adalah lengkap iaitu dengan nafi dan isbat. Bagi peringkat yang lebih tinggi maka lafaz zikir adalah dengan isbat sahaja tanpa nafi. Bagi peringkat yang paling tinggi maka lafaz zikirnya adalah sekadar isyarat iaitu lafaz هو sahaja. Ini kerana tiada ada dalam hati seseorang yang berzikir pada peringkat ini melainkan Allah sahaja. Zikir هو sahaja adalah kerana pengamal zikir berada dalam keadaan takut dan tidak mampu menyebut nama Allah secara soreh (Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan, 2022). Ini menunjukkan perasaan dan penghayatan yang tinggi. Maka jika lafaz سبحان الله menimbulkan perasaan *zawq* maka ia lafaz yang baik. Jika lafaz هو menimbulkan perasaan *zawq* maka ia lafaz yang baik.

Walau bagaimanapun, ukuran *zawq* ini sudah tentu berbeza antara individu. Justeru itu, ia sukar diukur. Konsep *zawq* ini biasanya tidak tetap. Ada masanya seseorang berasa *zawq* namun ada masanya tiada *zawq*. Ini dapat difahami dalam konsep khusyuk semasa solat. Khusyuk biasanya tidak kekal. Oleh sebab daya kekal *zawq* dan kaedah ukuran yang sukar, adalah sukar untuk dibawa kepada masyarakat lafaz هو sahaja dalam berzikir.

Selain itu, timbul persoalan tentang bagaimana berzikir dengan bacaan al-Quran dan juga bacaan dalam solat. Adakah bacaan al-Quran dibaca dengan isyarat tertentu sahaja kerana tidak mampu menyebut nama-nama Allah secara soreh? Adakah bacaan surah dan zikir dalam solat juga tidak mampu dilafazkan secara penuh kerana takut kepada Allah? Kemungkinan semasa bacaan al-Quran dan solat, perasaan takut tidak kuat maka mampu disebut nama Allah secara penuh.

ANALISIS PERBANDINGAN LAFAZ ZIKIR

Terdapat tiga contoh analisis perbandingan lafaz zikir yang akan dibincangkan iaitu analisis perbandingan antara dua jenis lafaz zikir (سبحان الله) dan (هو), analisis perbandingan antara dua jenis zikir dan analisis perbandingan antara dua jenis selawat.

Analisis Perbandingan Antara Dua Jenis Lafaz Zikir (سبحان الله) dan (هو)

Lafaz zikir سبحان الله	Lafaz zikir هو
Lafaz zikir ini mengandungi lafaz Allah.	Lafaz zikir ini tidak mengandungi lafaz Allah.
Lafaz zikir ini sabit secara soreh dalam al-Quran atau riwayat hadis.	Lafaz zikir ini tidak sabit secara soreh dalam al-Quran atau riwayat hadis.

Lafaz zikir ini mengandung makna yang jelas difahami.	Lafaz zikir ini mengandung makna Dia. Dia dalam lafaz ini merujuk kepada Allah.
Fadhilat kelebihan lafaz zikir ini dinyatakan dengan soreh dalam al-Quran atau riwayat hadis.	Fadhilat kelebihan lafaz zikir ini belum ditemui fadhilatnya dalam al-Quran atau riwayat hadis.
Lafaz zikir tasbih, tahmid, takbir, tahlil dan sebagainya ada dasarnya di dalam al-Quran manakala perinciannya dalam riwayat hadis. Selain itu, kewujudan lafaz dalam al-Quran tidak bermaksud ia lafaz zikir. Contohnya lafaz <i>أبي لهب</i> . Tiada pahala jika diulang lafaz <i>أبي لهب</i> tetapi ada pahala bacaan al-Quran apabila dibaca <i>تبت يدا أبي لهب وتب</i> .	Lafaz <i>هو</i> ada dalam al-Quran.
Sifat malu dizahirkan dengan malu melakukan maksiat.	Penggunaan lafaz <i>هو</i> adalah kerana malu untuk menyebut nama Allah. Sifat malu adalah sifat mulia.
Masyarakat sudah mengetahui lafaz zikir ini.	Masyarakat tidak mengetahui lafaz zikir ini.

Jadual 1: Perbezaan antara zikir *سبحان الله* dengan zikir *هو*.

Berdasarkan analisa ringkas, didapati bahawa lafaz zikir *هو* tidak mengandungi lafaz Allah. Lafaz zikir ini juga tidak jelas maknanya dan tidak sabit dalam nas syarak. Oleh itu, sebaiknya diamalkan zikir yang sabit dalam nas syarak berbanding zikir lafaz *هو* sahaja. Ini sesuai dengan panduan dalam hadis Nabi s.a.w.:

{ دَعَّ مَا يُرِيْبُكَ إِلَى مَا لَا يُرِيْبُكَ فَإِنَّ الصِّدْقَ طَمَآنِينَةٌ وَإِنَّ الكَذِبَ رِيْبَةٌ }

Maksudnya: "Tinggalkan apa yang meragukan kamu kepada perkara yang tidak meragukan kamu, maka sesungguhnya kebenaran adalah ketenangan dan sesungguhnya pembohongan adalah keraguan". (Hadis. al-Tirmidhī, *Kitāb sifat Yawm al-Qiyāmah wa al-Raqā'iq*, Bab 60, 2518)

Di antara dua jenis zikir, sudah tentu lafaz zikir yang sabit dalam riwayat hadis adalah tidak meragukan. Sudah pasti bahawa lafaz zikir *سبحان الله* lebih utama dari zikir dengan lafaz *هو* sahaja.

Analisis Perbandingan Antara Dua Jenis Zikir

Piawaian	اللهم صل على محمد وعلى آل محمد	جزى الله عنا سيدنا محمد بما هو أهله
Mengandungi lafaz Allah atau nama Allah	Mengandungi lafaz Allah pada awal.	Mengandungi lafaz Allah.
Kesabitan dalam nas syarak	Sabit dalam nas syarak dengan riwayat yang sahih. Selawat juga sabit dalam nas al-Quran.	Sabit dalam nas syarak namun dengan riwayat yang menjadi pertikaian di kalangan ahli ilmu hadis.
Kejelasan makna	Makna adalah jelas agar Allah berselawat iaitu melimpahkan rahmat ke atas Nabi Muhammad s.a.w.	Makna adalah jelas agar Allah memberi balasan baik yang selayaknya kepada Nabi Muhammad s.a.w.
Kelebihan fadhilat	Kelebihan adalah sabit dengan riwayat yang sahih bahawa Allah memberi sepuluh kali ganda kepada	Kelebihan adalah kepenatan malaikat untuk mencatat pahala kepada insan yang membaca zikir/doa ini namun riwayat ini

	insan yang berselawat.	masih dalam pertikaian ahli ilmu hadis.
Inovasi	Lafaz selawat adalah sabit dalam riwayat yang sahih.	Lafaz ini sabit dalam riwayat yang menjadi pertikaian di kalangan ahli ilmu hadis.
Kebiasaan Masyarakat	Masyarakat Islam biasa dengan lafaz selawat ini.	Masyarakat Islam tidak biasa dengan lafaz zikir ini.

Jadual 2: Perbezaan antara Selawat dan zikir doa.

Berdasarkan analisa ini, tiada masalah untuk beramal dengan dua jenis zikir ini. Walau bagaimanapun, hendaklah diutamakan dan diperbanyakkan lafaz selawat kerana ia menepati piawaian manakala lafaz doa (جزى الله عنا سيدنا محمدا بما هو أهله) adalah tidak diamalkan atau amat kurang diamalkan dalam masyarakat. Riwayat hadisnya juga masih menjadi pertikaian dalam ijthad para ulama.

Analisis Perbandingan Antara Dua Jenis Selawat

Selawat اللهم صل على محمد وعلى آل محمد	Selawat اللهم صل على سيدنا محمد طب القلوب ودوائها وعافية الأبدان وشفائها ونور الأبصار وضيائها وعلى آله وصحبه وسلم
Selawat ini mengandungi lafaz Allah.	Selawat ini mengandungi lafaz Allah.
Selawat ini sabit dalam riwayat hadis.	Selawat ini tidak sabit dalam riwayat hadis.
Selawat ini mempunyai makna yang jelas.	Selawat ini juga mempunyai makna yang hampir jelas. Lafaz طب dan lafaz شفاء bermaksud sebagai rawatan, bukan penyembuh. Lafaz سيد juga jelas dalam al-Quran dan riwayat hadis bahawa harus digunakan. Selawat ini mengandungi lafaz Allah yang jelas bahawa lafaz Selawat ini tidak mempertuhankan Nabi s.a.w.
Fadhilat selawat ini adalah mendapat 10 kali gandaan.	Fadhilat selawat ini juga sama kerana masih mempunyai lafaz selawat yang asal.
Tiada inovasi kecuali apa yang ada dalam riwayat hadis.	Ada inovasi namun masih dalam kerangka syarak.
Diamalkan dalam masyarakat.	Diamalkan dalam masyarakat dan dipersetujui oleh sebahagian besar para ulama.

Jadual 3: Perbezaan antara Selawat biasa diamalkan dengan Selawat Syifa.

Berdasarkan analisa ringkas antara dua lafaz Selawat ini, maka tidak salah untuk beramal dengan Selawat yang dinamakan sebagai Selawat Syifa. Ini kerana ia jelas maknanya dan tidak bertentangan dengan syarak. Walau bagaimanapun, lafaz selawat Syifa adalah lebih panjang daripada lafaz Selawat yang biasa diamalkan.

KESIMPULAN

Dalam memilih dan membawa lafaz zikir yang diajar kepada masyarakat Islam, sewajarnya diperhatikan beberapa piawaian-piawaian yang telah dinyatakan. Piawaian ini tidak bertujuan menyatakan mana satu benar dan mana satu salah. Piawaian ini tidak menolak fatwa keharusan untuk beramal dengan zikir هو sahaja. Sebaliknya piawaian ini sebagai satu senarai semak dalam memilih lafaz zikir di antara lafaz yang banyak dan pelbagai. Ini agar masyarakat Islam beramal dengan perkara yang jelas berdasarkan huraian majoriti para

ulama. Ini juga agar wujud suasana tenteram dalam masyarakat apabila dibawa lafaz zikir yang menepati piawaian. Sebaliknya dibimbangi wujud suasana tidak tenteram apabila dibawa lafaz zikir yang pelik dan tidak menjadi kebiasaan masyarakat. Dengan memahami beberapa piawaian ini, menjadi harapan agar umat Islam dapat membuat senarai semak sebelum menerima sesuatu petua amalan dalam bentuk zikir.

RUJUKAN

Buku

- Abū Daud, al-Imām al-Ḥāfiẓ al-Muṣannif al-Mutqin Sulayman bin al-Ash'āth al-Sijistānī al-Azdī. 2007. *Sunan Abī Daud*. Riyād: Maktabah al-Ma'ārif.
- Ibn Kathīr. 1996. *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*. Kaherah: Maktabah al-Iman.
- Ibn Manẓūr, Muḥammad bin Mukrim bin Manẓūr al-Afrīqī al-Miṣrī. 2013. *Lisān al-'Arab*. Kaherah: Dār al-Hadīth.
- 'Izz al-Dīn 'Abd al-Salām. 1998. *Qawā'id al-Aḥkām fī Maṣāliḥ al-Anām*. Beirut: Muassasah al-Rayyān.
- Muslim bin al-Ḥajāj al-Qushayrī al-Naysābūrī. 1998. *al-Muqaddimah fī ṣaḥīḥ Muslim*. Damshiq: Dār al-Khiyar.
- al-Nawawī, Yaḥyā bin Sharaf. 1356H. *al-Adhkār*. Kaherah: Matba'ah Muṣṭafā Muḥammad.
- Sulaiman bin Ibrahim al-Baruḥiy. 2015. *Yaqazah Dalam Pemikiran Ulama Sufi*. Negeri Sembilan: Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan.
- al-Syawkānī, Muḥammad bin 'Alī bin Muḥammad. 2007. *Tuḥfat al-Dhākirīn*. Kaherah: Dār al-Ghad al-Jadīd.
- al-Tirmidhī, al-Imām al-Ḥāfiẓ Abī 'Īsā Muḥammad bin 'Īsā bin Sawrah. 2010. *Sunan al-Tirmidhī*. Riyād: Dar Tuwayq.
- Wizārah al-Awqāf wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah. 1992. *al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah*. Kuwait: Wizārah al-Awqāf wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah.

Jurnal

- Faudzinaim Badaruddin, Zakaria Stapa, Abdull Rahman Mahmood, Nozira Salleh, Muhammad Khairi Mahyuddin. 2019. *Perkembangan Dan Amalan Tarekat Ahmadiyah Idrisiyah Di Malaysia*. Dalam Jurnal Penyelidikan Islam, Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Bil.31.

Laman Sesawang

- Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan. <https://muftins.gov.my/2019/04/19/penjelasan-lafaz-zikir%D9%87%D9%8F%D9%88%D9%8E/> (diakses pada 22 November 2022)
- Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan. <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/2667-irsyad-al-fatwa-254-zikir-kalimah-hu> (diakses pada 23 November 2022).

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Perdana: International Journal of Academic Research tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.